



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

JUN 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.0 peratus pada Jun 2024, mengekalkan momentum positif selama enam bulan berturut-turut

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.0 peratus pada Jun 2024, mengekalkan momentum positif selama enam bulan berturut-turut. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Jun 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 5.0 peratus pada Jun 2024, selepas mencatatkan pertumbuhan 2.4 peratus pada bulan sebelumnya, mengekalkan momentum positif bagi enam bulan berturut-turut. Pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama, dengan peningkatan sebanyak 5.2 peratus (Mei 2024: 4.6%) diikuti oleh pemulihan 4.9 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan (Mei 2024: -6.9%). Pada masa yang sama, sektor Elektrik meningkat 3.5 peratus (Mei 2024: 4.5%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP meningkat 4.8 peratus berbanding 3.5 peratus yang direkodkan pada Mei 2024."

Kenaikan 5.2 peratus dalam sektor Pembuatan pada Jun 2024 didorong terutamanya oleh pengembangan dalam industri berorientasikan eksport pada 5.4 peratus (Mei 2024: 3.7%), mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak September 2022. Pengembangan pengeluaran yang kukuh dilihat dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis yang memulih kepada 12.5 peratus (Mei 2024: -5.5%); dan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang meningkat pada kadar lebih laju sebanyak 11.0 peratus (Mei 2024: 4.8%).

Selain itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal turut menyokong pertumbuhan iaitu 4.9 peratus pada Jun 2024 (Mei 2024: 8.4%). Prestasi industri berorientasikan eksport ini selari dengan pertumbuhan positif dalam eksport barangan perkilangan negara pada Jun 2024 (6.4%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport melonjak 11.8 peratus (Mei 2024: 9.0%).

Sementara itu, industri berorientasikan domestik bertumbuh sederhana 4.6 peratus berbanding 6.4 peratus yang direkodkan pada Mei 2024. Pertumbuhan lebih perlahan ini disebabkan oleh penurunan 10.7 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler (Mei 2024: 10.3%); dan penyederhanaan dalam Pembuatan produk prosesan makanan kepada 3.9 peratus (Mei 2024: 4.3%). Selain tu, terdapat peningkatan dalam pengeluaran output pembuatan berkaitan aktiviti pembinaan iaitu Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (12.6%); Pembuatan produk galian bukan logam lain (8.9%); dan Pembuatan logam asas (8.0%); sekali gus mengurangkan kesan penyederhanaan. Berbanding dengan Mei 2024, industri berorientasikan domestik merosot 5.4 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.3 peratus pada bulan lepas.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pengeluaran dalam sektor Perlombongan meningkat 4.9 peratus pada Jun 2024, berbanding penurunan 6.9 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh pemulihan sebanyak 6.0 peratus yang dicatatkan dalam pengeluaran Gas Asli (Mei 2024: -10.3%) dan pertumbuhan 3.4 peratus dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat (Mei 2024: -1.9%) pada bulan tersebut. Sementara itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 3.5 peratus tahun ke tahun pada Jun 2024 (Mei 2024: 4.5%). Berbanding Mei 2024, indeks Perlombongan meningkat 4.0 peratus manakala indeks Elektrik merosot 6.2 peratus."

Melihat kepada prestasi beberapa negara, IPP bertumbuh positif di China, Korea Selatan, Taiwan, Vietnam, dan Amerika Syarikat. Sebaliknya, Singapura, Thailand dan Jepun mengalami penurunan dalam IPP pada Jun 2024.

Merumuskan kenyataan beliau, Ketua Perangkawan berkata, "Bagi suku kedua 2024, IPP terus meningkat sebanyak 4.5 peratus berbanding 3.3 peratus yang direkodkan pada suku pertama 2024. Peningkatan ini didorong oleh sektor Pembuatan dengan pertumbuhan 4.9 peratus (ST1 2024: 2.1%). Sementara itu, IPP bagi sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing meningkat sederhana sebanyak 2.4 peratus (ST1 2024: 5.9%)

dan 5.3 peratus (ST1 2024: 9.1%). IPP menurun 1.2 peratus berbanding suku pertama 2024, dipengaruhi oleh penurunan dalam sektor Perlombongan.


Sementara itu, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini (Januari – Jun 2024), IPP meningkat 3.9 peratus (Januari – Jun 2023: 1.2%) dengan kesemua sektor mencatatkan peningkatan, iaitu indeks Perlombongan (4.2%); indeks Pembuatan (3.5%); dan indeks Elektrik (7.1%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Jun 2023 - Jun 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Jun 2023 - Jun 2024**




**Carta 3: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
ST2 2023 – ST2 2024**




**Carta 4: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Mei 2024 dan Jun 2024**




Carta 5: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Jun 2023 - Jun 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mei 2024 dan Jun 2024



Carta 7: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mei 2024 dan Jun 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 OGOS 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA

JUNE 2024

The Industrial Production Index climbed by 5.0 per cent in June 2024, sustaining a positive momentum for six consecutive months

PUTRAJAYA, 9TH AUGUST 2024 – The Industrial Production Index climbed by 5.0 per cent in June 2024, sustaining a positive momentum for six consecutive months. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, June 2024**. The publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The Industrial Production Index (IPI) climbed by 5.0 per cent in June 2024, following a growth of 2.4 per cent in the preceding month, sustaining a positive momentum for six consecutive months. The output growth in the Manufacturing led the way, with an increase of 5.2 per cent (May 2024: 4.6%) coupled with the turnaround to 4.9 per cent in the production of the Mining sector (May 2024: -6.9%). In the meantime, the Electricity sector rose by 3.5 per cent (May 2024: 4.5%). In comparison to the previous month, the IPI went up by 4.8 per cent compared to 3.5 per cent recorded in May 2024.”

The rise of 5.2 per cent in the Manufacturing sector in June 2024 was primarily reinforced by expansion in export-oriented industries at 5.4 per cent (May 2024: 3.7%), marking the highest growth since September 2022. The strong expansion of production was observed in the Manufacture of coke & refined petroleum products which rebounded to 12.5 per cent (May 2024: -5.5%); and the Manufacture of vegetable & animal oils & fats, which accelerated at a faster pace of 11.0 per cent (May 2024: 4.8%). Additionally, the Manufacture of computer, electronics & optical products also supported the growth

at 4.9 per cent in June 2024 (May 2024: 8.4%). Performance in the export-oriented industries was in tandem with a positive growth in the country's manufactured goods exports in June 2024 (6.4%). In a month-on-month comparison, the export-oriented industries augmented by 11.8 per cent (May 2024: 9.0%).

In the meantime, the domestic-oriented industries grew modestly by 4.6 per cent as against 6.4 per cent recorded in May 2024. The slower growth was attributable to a decline of 10.7 per cent in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers (May 2024: 10.3%); and moderation in the Manufacture of food processing products to 3.9 per cent (May 2024: 4.3%). Additionally, there was an increase in the production of manufacturing output related to construction activities namely the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (12.6%); Manufacture of other non-metallic mineral products (8.9%); and Manufacture of basic metals (8.0%); hence cushioning the impact. In comparison with May 2024, the domestic-oriented industries slipped by 5.4 per cent, contrasting with the positive growth of 2.3 per cent in the previous month.

Adding further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The output in the Mining sector increased by 4.9 per cent in June 2024, reversing a decline of 6.9 per cent recorded in the previous month. The growth was driven by a 6.0 per cent rebound in Natural Gas production (May 2024: -10.3%), and a 3.4 per cent growth in Crude Oil & Condensate production (May 2024: -1.9%) during the month. Meanwhile, the generation of Electricity grew by 3.5 per cent year-on-year in June 2024 (May 2024: 4.5%). As compared to May 2024, the Mining index rose by 4.0 per cent while the Electricity index dropped by 6.2 per cent."

Looking at the performance of several countries, the IPI was positive in China, South Korea, Taiwan, Vietnam, and the United States. Conversely, Singapore, Thailand and Japan experienced a decline in IPI in June 2024.

Concluding his statement, the Chief Statistician said, "For the second quarter of 2024, the IPI advanced further by 4.5 per cent as against 3.3 per cent recorded in the first quarter of 2024. The uptick was driven by the Manufacturing sector at a 4.9 per cent growth (Q1 2024: 2.1%). Meanwhile, the IPI for Mining and Electricity sectors grew modestly by 2.4 per cent (Q1 2024: 5.9%) and 5.3 per cent (Q1 2024: 9.1%) respectively. The IPI dropped by 1.2 per cent as against the first quarter of 2024, influenced by a decline in the Mining sector.


In the meantime, throughout the first six months this year (January – June 2024), the IPI improved by 3.9 per cent (January - June 2023: 1.2%) with all sectors posting an expansion, namely the Mining index (4.2%); Manufacturing index (3.5%); and Electricity index (7.1%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.” DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
June 2023 – June 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
June 2023 – June 2024**



**Chart 3: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
Q2 2023 – Q2 2024**



**Chart 4: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
May 2024 and June 2024**




Chart 5: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, June 2023 – June 2024






Chart 6: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, May 2024 and June 2024



**Chart 7: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
May 2024 and June 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9th AUGUST 2024**